

Keluaran:



مسلمين

MUSLIMIN

Surat Berita Hal Ehwal Ugama

Terbitan:



**BERKENAN BERANGKAT KE
MAJLIS SAMBUTAN ISRA' DAN
MI'RAJ PERINGKAT NEGARA**

3



**MAJLIS KESYUKURAN
SEMPENA SAMBUTAN ULANG
TAHUN HARI KEBANGSAAN
NBD KE-42**

5

JAN - MAC
Januari / Februari / Mac

2026M
Bil 1 • Tahun 38

Rejab hingga Syawal
1447H



**BERKENAN BERANGKAT
SAMBUTAN NUZUL AL-QUR'AN
PERINGKAT NEGARA**

7



**BERKENAN BERANGKAT
MENUNAIKAN SEMBAHYANG
SUNAT HARI RAYA AIDIL FITRI**

9

AYAT SYIFA' KETIKA SAKIT MATA

﴿٢٢﴾ فَكَشَفْنَا عَنْكَ غِطَاءَكَ فَبَصَرُكَ الْيَوْمَ حَدِيدٌ ...

Mafhumnya:

...Maka Kami menghilangkan daripada engkau penutup yang menutupi pandanganmu lalu pandanganmu pada hari ini menjadi tajam (jelas melihat perkara-perkara akhirat yang engkau ingkari dahulu)."

Surah Qâf ayat 22

Lidah
Pengarang

BERAZAM UNTUK MERAH SYURGANYA

Katakanlah (sampaikanlah firman-Ku ini wahai Muhammad): "wahai hamba-hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat)! Janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah. Sesungguhnya Dialah yang Maha Pengampun lagi Maha Pengasih."

Terjemahan Makna ayat 53, Surah Az- Zumar

Masa itu sangat berharga malah lebih bernilai dari harta benda. Bagi mereka yang bijak dan cekal, masanya tidak disia-siakan walaupun sesaat. Akan tetapi bagi mereka yang lalai dan alpa, hari demi hari berlalu begitu sahaja tanpa pengisian yang bermanfaat. Semoga kita tidak tergolong di dalam kalangan mereka yang lalai dan rugi.

Ambillah peluang di awal tahun ini untuk kita menanam azam dan bermuhasabah diri untuk memperbaiki dan meningkatkan keimanan dan ketakwaan. Kesilapan lalu adalah sebagai panduan untuk kita memperbaiki diri sendiri. Janganlah kita sekali-kali berputus asa, lalu menutup pintu taubat yang Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah bukakan luas untuk kita. Berazam menjadi insan yang lebih baik dan tauladan bagi semua. Perbuatan sedemikian akan membuat kita lebih disayangi oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketakwaan dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah) Dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat berat seksa-Nya.

Terjemahan Makna ayat 2, Surah al-Mâidah

Semoga amalan-amalan yang kita usahakan di tahun baru masehi ini dengan niat semata-mata kerana-Nya, akan mendapat keredhaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan menjadikan kita sebagai penghuni syurga-Nya kelak. ■

Anggota Redaksi

PENASIHAT: Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman, Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **PENOLONG PENASIHAT:** Pengiran Hajah Haslina Suriani binti Pengiran Haji Piut, Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan • **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Qairunnisa binti Haji Jalil, Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan • **EDITOR:** Mohamad Zelihan bin Ahad • **PENYELARAS:** Mohamad Zelihan bin Ahad • Azizah binti Hidup • Nor Hafidzah binti Haji Hamidon • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • Dahlan bin Chuchu • Pengiran Yusdi bin Pengiran Rumbli • Suriati binti Haji Ali Hussin • **PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zelihan bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:** Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN ISRA' DAN MI'RAJ PERINGKAT NEGARA

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, berangkat sama paduka-paduka adinda ke Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara bagi Tahun 1447 Hijrah.

BERAKAS, Sabtu, 27 Rejab bersamaan 17 Januari – Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara bagi Tahun 1447 Hijrah. Majlis berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berangkat sama ialah paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an, surah al-Israa', ayat 78 hingga 85 oleh Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili, Pegawai Pelajaran, Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah, dan Tadabbur disampaikan oleh Awang Haji Abdul Rashid bin Awang

Haji Damit, Setiausaha Pertama, Jabatan Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Sejurus selepas itu, sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama (KHEU) selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah.

Antara lain Yang Berhormat Pehin menyebarkan bahawa Sambutan Isra' Mi'raj yang dianjurkan ini adalah bertemakan Sembahyang Teras Modal Insan Cemerlang. Iaitu selaras dengan signifikan peristiwa bersejarah Nabi Muhammad Junjungan kita Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* diisra'kan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagaimana disebutkan dalam firman-Nya, ayat pertama surah al-Israa', kemudian dari Masjid al-Aqsa >> 4 Baginda dimi'rajkan sampai **m.s. 4**



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah semasa menyampaikan sabda.

« 3 ke Sidratul Muntaha.
m.s. 3

Maka dengan itu penganjuran sambutan dan peringatan adalah merupakan ruang yang luas untuk meraih pengajaran dan memanfaatkannya bagi menambahkan pengetahuan dan kefahaman dalam mengamalkan ajaran-ajaran Islam. Terutama sekali dalam konteks dasar dan program kerajaan seperti usaha yang berterusan untuk melahirkan modal insan yang berkualiti, yang cemerlang melalui pendidikan dan sebagainya.

Ibadat sembahyang perbuatan yang dilaksanakan dengan sempurna adalah pendidikan atau latihan untuk seseorang bekerja, berusaha dengan rajin dan tekun. Dalam ajaran Islam, hal yang sedemikian itu dihubungkan dengan nilai atau mutu seseorang yang dikasihi oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan mendapat kasih sayangnya,

Dengan demikian hadits Baginda ini adalah merujuk juga kepada melahirkan modal insan yang berjaya dengan cemerlang menerusi rajin dan tekun mengerjakan suruhan dan melaksanakannya dengan sempurna iaitu melalui amal ibadat sembahyang yang dilaksanakan dengan sempurna.

Seterusnya dalam konteks orang yang berjaya pula sembahyang itu juga jadi ukuran nilai atau mutu bagi menentukan seseorang itu orang yang akan berjaya dan sedang beroleh kejayaan cemerlang. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, di awal surah al-Mu'minin jelas sekali menyebutkan sebagaimana terjemahan makna ayatnya: *Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman. (Iaitu) orang-orang yang khusyu' dalam sembahyang mereka.*

Persembahan Selawat Badriyah oleh gabungan pegawai dan kakitangan KHEU, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Kesihatan dan Progresif Sdn. Bhd. Diteruskan dengan persembahan khas (*Kalam Jama'ie*) oleh pelajar-pelajar Sekolah



DOA Selamat dibacakan oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.



PERSEMBAHAN khas (*Kalam Jama'ie*) oleh pelajar-pelajar Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, bersama paduka-paduka adinda berkenan bergambar bersama peserta persembahan khas.

Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba.

Kemudian diikuti dengan ceramah khas bertajuk "Sembahyang Teras Modal Insan Cemerlang" disampaikan oleh Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Haji Mohd Izhar Ariff bin Mohd Kashim, penceramah undangan dari Universiti Kebangsaan Malaysia.


Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato

Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Tema Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah ialah "Sembahyang Teras Modal Insan Cemerlang" dan dikendalikan bersama oleh KHEU, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Kesihatan dan Progresif Sdn.Bhd. ■

MAJLIS KESYUKURAN SEMPERA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NBD KE-42

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



BERKENAN berangkat ke Majlis Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-42, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

KIARONG, Isnin, 5 Ramadan bersamaan 23 Februari – Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardhu Zohor Berjemaah, Membaca Surah Yasin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-42 telah diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong.

Berkenan berangkat ke Majlis Kesyukuran itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Berangkat sama ialah paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota serta Kerabat Diraja dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin

Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara; Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; **m.s. 6**



SEMBAHYANG Sunat Hajat juga diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.



«4 Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026; Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan; Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri; dan Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda berkenan menunaikan Sembahyang Fardhu Zohor berjemaah yang diimpinkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat yang juga diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar, seterusnya memimpin bacaan Surah Yasin beramai-ramai dan doa Kesyukuran.

Majlis Kesyukuran tersebut turut diadakan secara serentak di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh

negara dengan beberapa buah masjid di daerah-daerah lain juga sebagai tumpuan utama majlis.

Di Daerah Belait, masjid tumpuan utama ialah Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Di Daerah Tutong, majlis diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan

Tutong. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan.

Manakala Daerah Temburong, di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi. ■



BERKENAN BERANGKAT SAMBUTAN NUZUL AL-QUR'AN PERINGKAT NEGARA

Oleh : Nor Hafidzah binti Haji Hamidon



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah semasa mengurniakan sabda di Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara.

BERAKAS, Jumaat malam Sabtu, 17 Ramadan bersamaan 6 Mac – Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah, yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berangkat sama ialah paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota ke majlis tersebut dijunjung oleh Yang Amat Mulia

Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah; Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato

Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah; Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; **m.s. 8**





Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah yang disampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali, Pemangku Penolong Pengarah Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Jemaah Hakim.

Majlis diserikan dengan persembahan pemenang terbaik dari setiap kategori Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah. Sejurus itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah dan cenderamata kepada peserta.

Tema bagi Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah ialah "Mengukuhkan Pembelajaran Al-Qur'an dan Menghayati Ajarannya".

Majlis tersebut pada tahun ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pembangunan, Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Qur'an MABIMS, dan Brunei Darussalam Central Bank. ■

« 7 Yang Berhormat Dato Seri m.s. Setia Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Brunei Darussalam Central Bank; Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar; dan Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah.

sambutan yang menggalakkan ini mencerminkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan bukan sahaja membaca dan menghafaz al-Qur'an, malah memahami makna serta pengajarannya. Sehubungan itu, usaha memperkukuhkan pembelajaran al-Qur'an melalui program mentadabbur ayat-ayat al-Qur'an wajar terus diperkasakan agar bacaan dan hafalan disertai dengan kefahaman serta penghayatan dalam kehidupan.

Sejurus selepas itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan Sabda.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dan doa selamat dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Kemudian majlis diteruskan lagi dengan pengumuman Keputusan

Diteruskan dengan sembah alu-aluan Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah yang antara lain menjelaskan bahawa



BERKENAN BERANGKAT MENUNAIKAN SEMBAHYANG SUNAT HARI RAYA AIDIL FITRI

Oleh : Dahlan Chuchu



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota bersama paduka-paduka adinda dan para jemaah menunaikan sembahyang sunat Hari Raya Aidil Fitri yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

KIARONG, Sabtu, 1 Syawal bersamaan 21 Mac - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama-sama dengan umat Islam di negara ini bagi menunaikan sembahyang sunat Hari Raya Aidil Fitri di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong.

Berangkat sama ialah paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota serta paduka-paduka adinda Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara; Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato

Paduka Seri Setia Ustaz Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan; dan Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji

Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Sembahyang sunat Hari Raya Aidil Fitri diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; Ketua Hakim Syarie.

Manakala khutbah Hari Raya Aidil Fitri disampaikan oleh Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin, Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei. ■



ANTARA para jemaah yang turut sama hadir menunaikan sembahyang sunat Hari Raya Aidil Fitri.

MEMBACA SURAH YASIN, SEMBAHYANG SUNAT HAJAT DAN DOA KHAS BAGI KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN KDYMM

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



YANG Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan bersama jemaah semasa menunaikan Sembahyang Sunat Hajat Memohon Kesihatan Dan Kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

BANDAR Seri Begawan, Jumaat, 26 Rejab bersamaan 16 Januari –

Bagi memohon kehadiran Allah *Subhanahu wa Ta'ala* supaya mengurniakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan kesembuhan yang segera, kesihatan dan keafiatan yang sempurna lagi berpanjangan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Majlis Membaca Surah Yasin, Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Khas sebelum menunaikan sembahyang fardhu Jumaat diikuti dengan khutbah khas.

Acara anjuran KHEU itu dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai dan kakitangan dari kementerian-kementerian.

Majlis tersebut diadakan di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan tumpuan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong, Daerah Brunei dan Muara; Masjid Mohammad Jamalul Alam, Daerah Belait; Masjid Hassanal Bolkiah, Daerah Tutong, dan Masjid Utama Mohammad Salleh, Daerah Temburong.

Melalui majlis berkenaan, para jemaah bersama-sama menunaikan sembahyang sunat Hajat berjemaah serta memanjatkan doa ke hadrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dikurniakan kesembuhan yang segera, kesihatan dan keafiatan yang sempurna lagi berpanjangan, di samping mendoakan agar Negara Brunei Darussalam sentiasa dilindungi, terhindar daripada sebarang bala bencana serta dikurniakan kemakmuran, kesejahteraan dan keamanan yang berpanjangan. ■



SESI PERSEKOLAHAN PENGGAL PERTAMA TAHUN 2026 BAGI SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA

Oleh : Azizah Hidup



lebih dekat pelaksanaan program berkenaan.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman telah mengadakan lawatan kerja ke Sekolah Ugama Tentera Laut Diraja Brunei serta Sekolah Ugama Pengiran Muda Abdul Azim, Serasa.

Pada waktu yang sama, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim membuat lawatan kerja ke Sekolah Ugama Dato Basir, Lambak Kanan dan Sekolah Ugama Lambak Kanan.



Sementara itu, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar pula mengadakan lawatan kerja ke Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Besar, Sungai Kebun dan Sekolah Ugama Pelambayan.

Manakala Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abd Karim berkunjung ke Sekolah Ugama Rimba I dan Sekolah Ugama Jerudong.

BANDAR Seri Begawan, Rabu, 17 Rejab bersamaan 7 Januari – Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pengajian Islam (JPI) terus komited dalam memastikan pendidikan ugama secara formal di negara ini dilaksanakan secara berkualiti dan berkesan bagi melahirkan generasi yang berilmu, beriman dan berakhlak tinggi.

Seramai 5,114 orang murid baharu telah memulakan sesi persekolahan ugama Darjah IV di seluruh negara. Bagi menyambut kemasukan murid-

murid baharu tersebut, pihak sekolah melaksanakan Program Kemasukan Murid Darjah IV Persekolahan Ugama 'SIUK' (Sekolahku, Ilmuku, Ugamaku, Keberkatanku) selama 4 hari, yang antara lain bertujuan bagi mengukuhkan kesedaran mengenai kepentingan pendidikan ugama, di samping memperkasa nilai-nilai Islam dan nilai-nilai positif dalam kalangan murid.

Sehubungan dengan itu, KHEU mengadakan lawatan kerja ke beberapa buah sekolah ugama di seluruh negara bagi meninjau secara

Di samping lawatan ke bilik-bilik darjah persekolahan ugama, rombongan lawatan turut meninjau pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah berkenaan bagi memastikan pelaksanaan pengintegrasian mata pelajaran ugama ke dalam Sistem Pendidikan Umum dilaksanakan dengan baik, teratur, lancar dan berkesan. ■

KHEU MELAWAT KE SEKOLAH-SEKOLAH ARAB SEMENA SESI PERSEKOLAHAN PENGGAL PERTAMA TAHUN 2026

Oleh : Pengiran Yusdi Pengiran Rumbli

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Rejab bersamaan 8 Januari – Sejak sekolah Arab yang pertama di negara ini dirasmikan pada tahun 1967, persekolahan Arab terus menjadi tonggak pendidikan duniawi dan ukhrawi yang tulen serta berperanan penting dalam melahirkan para ulama dan cendekiawan dalam pelbagai bidang ilmu bagi mendukung pembangunan dan kemajuan bangsa, agama, dan negara.

Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pengajian Islam (JPI) terus melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan sistem persekolahan Arab terus berkembang maju dan mampan selaras dengan perkembangan semasa.

Terdapat tujuh buah sekolah Arab di seluruh negara yang menawarkan pendidikan bermula dari peringkat Sanah 5 hingga ke peringkat Pra-U. Bagi sesi persekolahan tahun ini, seramai 427 orang pelajar baharu Sanah 5 telah memulakan persekolahan di sekolah-sekolah Arab seluruh negara.



Sehubungan dengan itu, KHEU mengadakan lawatan ke beberapa buah sekolah Arab di negara ini bagi meninjau lebih dekat perkembangan terkini serta kesiapsiagaan sekolah-sekolah berkenaan.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama mengadakan lawatan ke Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba.

Pada masa yang sama, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim mengadakan lawatan kerja ke Sekolah Arab Belait. Manakala Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji

Omar mengadakan lawatan kerja ke Sekolah Arab Temburong. Sementara itu, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Misle bin Haji Abd Karim pula mengadakan lawatan kerja ke Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Lawatan berkenaan bertujuan meninjau pelaksanaan aktiviti-aktiviti kemasukan pelajar-pelajar baharu ke persekolahan Arab serta kesiapsiagaan sekolah meliputi aspek pentadbiran, kebajikan pelajar, kemudahan prasarana dan pelaksanaan kurikulum agar selaras dengan dasar serta aspirasi Kementerian sejajar dengan matlamat melahirkan generasi yang berilmu dan berjaya, beriman dan berakhlak mulia. ■



MALAM MUNAJAT KALI KE-217

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



BANDAR Seri Begawan, Sabtu, 13 Syaaban bersamaan 31 Januari

– Dalam menyambut bulan Ramadan, tiga niat dan azam perlu disemai: Pertama, kita hendaklah menzahirkan kegembiraan atas kedatangan bulan Ramadan; Kedua, hendaklah memperbanyakkan rasa syukur kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kerana masih diberi kesempatan untuk bertemu bulan Ramadan yang mulia ini; dan Ketiga, memperbetulkan niat agar setiap ibadah dilakukan dengan penuh keikhlasan.

Demikian antara inti pati tazkirah disampaikan oleh Awang Abdul Hadi bin Abd Rahman, Imam Tingkat III, Masjid Kampong Danau, Tutong, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dari Masjid Kampung Penanjong, Tutong bagi menyerikan

Malam Munajat anjuran KHEU Kali Ke-217.

Turut hadir secara maya ialah ahli jawatankuasa takmir dan para jemaah dari beberapa buah masjid seluruh negara serta warga KHEU, dan juga individu yang mengikuti program ini dari kediaman masing-masing.

Atur cara Munajat dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah dipimpin oleh Awang Muhammad Amin bin Haji Salim, Pegawai Pemantau Zon 3 Daerah Brunei dan Muara, JHEM, KHEU dari Masjid Mohamed Bolkia, Kampong Serusop.

Diikuti dengan bacaan surah al-Waqi'ah beramai-ramai dipimpin oleh Awang Mohammad Fakhri bin Haji Ibrahim, Pegawai Hal Ehwal

Masjid, JHEM, KHEU dari Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lorong 3 Selatan, Seria, Belait. Seterusnya, doa Munajat dibacakan oleh Awang Haji Mohammad Zahid Zakwan bin Haji Said, Pemangku Pegawai Pemantau Zon 2 Daerah Brunei dan Muara, JHEM, KHEU dari Masjid Kampung Bengkurong.

Selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah oleh ahli-ahli Kumpulan Belia Masjid Ashabul Haliim dari Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku Katok.

Kemudiannya, doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Awang Norezam bin Haji Zaini, Imam Tingkat III, JHEM, KHEU dari Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong. ■

KHEU MENERIMA KUNJUNGAN DARI PERSATUAN ULAMA MALAYSIA

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad

BERAKAS, Selasa, 1 Syaaban bersamaan 20 Januari - Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam menerima kunjungan hormat daripada Yang Berbahagia Prof. Madya Datuk Dr. Luqman bin Haji Abdullah, Yang Di-Pertua Persatuan Ulama Malaysia (PUM) Pusat, yang sedang dalam rangka lawatan rasmi ilmiah ke Negara Brunei Darussalam. Kunjungan hormat tersebut telah diadakan di Bilik Dhiyafah, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Semasa kunjungan hormat, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama bersama Yang Di-Pertua Persatuan Ulama Malaysia berkesempatan bertukar-tukar pandangan dan berkongsi pengetahuan berkaitan perkhidmatan ugama termasuk pendidikan ugama dan arab, da'wah dan pelaksanaan perundangan Islam. Di samping mempererat hubungan silaturrahim dan jaringan keilmuan antara kedua-dua pihak, ianya turut



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menerima kunjung daripada rombongan Persatuan Ulama Malaysia (PUM) Pusat.

membuka ruang bagi kerjasama pada masa hadapan dalam bidang yang berkepentingan bersama.

Rombongan turut disertai oleh Prof. Dr. Mohd Roslan bin Mohd Nor; Setiausaha Agung Persatuan Ulama Malaysia Pusat; Ustaz Md Razali Saibin, Pengerusi Persatuan Ulama Malaysia Cawangan Sabah; Ustaz Ibrahim bin Tahir, Pengerusi Persatuan Ulama Malaysia Cawangan Terengganu; Dr. Berhanuddin Abdullah, Ahli Persatuan Ulama Malaysia Cawangan

Terengganu, Prof. Madya Dr. Saupi bin Man, Ahli Jawatankuasa Persatuan Ulama Malaysia Pusat.

Hadir sama di majlis kunjungan hormat tersebut ialah Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap KHEU; Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU; Awang Misle bin Haji Abd Karim, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU dan Awang Haji Mohammad Albi bin Haji Ibrahim, Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS.

Persatuan Ulama Malaysia ialah sebuah badan bukan kerajaan (NGO) Islam yang ditubuhkan pada tahun 1977 untuk menyatukan ulama dan ilmuwan Islam di Malaysia. PUM berperanan sebagai badan rujukan dan pemikir dalam menangani pelbagai isu dari perspektif Islam, memperkukuh kefahaman Islam wasatiyyah, menolak fahaman yang bercanggah dengan ajaran Islam, serta aktif menjalankan dakwah, nasihat dan aktiviti ilmiah demi menjaga kesucian agama dan keharmonian masyarakat. ■



Minda Islam

Tidak masuk syurga mereka yang memutuskan
Silaturrahim

Surah yang bernilai sepertiga al-Qur'an
Surah al-Ikhlaash

Surah yang menyelamatkan kita dari seksa kubur
Surah al-Mulk

Ma'ruf
ialah segala perkara baik yang mendekatkan diri kepada Allah

Qishash
ialah hukuman dengan balasan yang sama pada sifat dan perbuatan

Mungkar
ialah segala perkara buruk yang menjauhan diri daripada Allah.

KHEU SEMARAKKAN LAGI SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE 42

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



MAJLIS Semarak Hari Kebangsaan Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026 bertempat di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa.

BERAKAS, Sabtu, 10 Ramadan bersamaan 28 Februari –

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) terus komited memainkan peranan penting dalam mengukuhkan kefahaman tentang sejarah negara dan menyuburkan semangat patriotisme serta kecintaan rakyat kepada negara. Sehubungan dengan itu, Majlis Semarak Hari Kebangsaan Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026 anjuran KHEU diadakan di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Turut hadir, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap KHEU; YAwang Haji Shamshol bin Haji Omar, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU; dan Awang Misle bin Haji Abd. Karim, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU;

ketua-ketua jabatan di bawah KHEU.

Atur cara dimulakan dengan nyanyian lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' beramai-ramai. Dikuti dengan bacaan Saiyidul Istigfhar, surah al-Fatihah dan doa oleh Awang Muhammad Abdul Haziq bin Hanafi, Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Seterusnya, ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Bersama Semarak Hari Kebangsaan Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman, Pemangku Pengarah PDI selaku Pengerusi Bersama Majlis

Semarak Hari Kebangsaan Ke-42 Tahun anjuran KHEU.

Majlis diteruskan dengan ucapan pendahuluan "Pesan Nini Kepada Cucu Tentang Kemerdekaan (Puisi 42 Tahun Merdeka)" oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Acara kemuncak majlis ialah Sesi Bual Bicara Hari Kebangsaan bertajuk "Mempertahankan Kedaulatan Negara: Menelusuri Era Lindungan British dan Pembentukan Jati Diri Brunei" yang disampaikan oleh Dr. Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos, Yang Di-Pertua Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR). Manakala, Awang Haji Mohd Jaya bin Haji Metussin selaku Moderator.

Majlis Semarak Hari Kebangsaan Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026 dikendalikan bersama oleh Pusat Da'wah Islamiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Bahagian Dasar dan Strategik dan Bahagian Pendakwa Syar'ie, KHEU. ■



UCAPAN Pendahuluan "Pesan Nini Kepada Cucu Tentang Kemerdekaan (Puisi 42 Tahun Merdeka)" oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

MENDIRIKAN TIANG MASJID BAHARU KAMPONG LAMUNIN, DAERAH TUTONG

Oleh : Mohamad Zelihaan Ahad



YANG Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman menuang simen bagi tiang masjid baharu Kampong Lamunin.

TUTONG, Khamis, 17 Syaaban bersamaan 5 Februari – Penduduk Kampong Lamunin dan kawasan sekitarnya akan mempunyai sebuah bangunan masjid baharu yang dijangka siap pembinaannya pada bulan Mei 2027.

Bangunan masjid baharu ini dibina di atas sebidang tanah berkeluasan lebih kurang 6.739 ekar dengan menggunakan peruntukan di bawah Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam yang berjumlah BND5,776,214.65.

Sehubungan dengan itu, Majlis Mendirikan Tiang Masjid Baharu bagi masjid berkenaan telah disempurnakan oleh tetamu kehormat pada majlis tersebut, iaitu Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan.

Turut hadir sama ialah Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama;

ahli Majlis Ugama Islam Brunei; ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU); Timbalan Setiausaha Tetap KHEU serta pegawai-pegawai kanan dari KHEU dan Kementerian Pembangunan.

Acara dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah diikuti dengan laungan azan dan bacaan zikir mendirikan tiang masjid baharu secara beramai-ramai yang dipimpin oleh Abdul Wafi bin Haji Awang, Imam Masjid Kampong Lamunin.

Seterusnya, acara menuang simen yang didahului oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku

Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan diikuti oleh para jemputan khas.

Dua tetamu kehormat bersama para jemputan turut berkesempatan mendengar taklimat mengenai ciri-ciri reka bentuk bangunan masjid baharu berkenaan yang disampaikan oleh Dayang Ar. Hajah Hafizah binti Dato Paduka Haji Mohd Nor, Pegawai Arkitek, Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan. Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Awang Abdul Wafi bin Haji Awang, Imam Masjid Kampong Lamunin.

Keseluruhan kapasiti bangunan masjid baharu Kampong Lamunin apabila siap nanti, boleh menampung seramai lebih kurang seribu (1000) orang jemaah. Antara kemudahan yang akan disediakan termasuk bilik kuliah, bilik teknologi maklumat (IT) dan perpustakaan, bilik pengurusan jenazah, kemudahan tandas dan tempat berwudhu bagi lelaki, perempuan serta Orang Kelainan Upaya (OKU) di samping kemudahan tempat letak kereta. ■



YANG Berhormat Dato Seri Setia Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid menuang simen bagi tiang masjid baharu.

TADARUS AL-QUR'AN MEMBUKA TIRAI DI BULAN RAMADAN

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir pada Majlis Pembukaan Tadarus Al-Qur'an di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Ramadhan bersamaan Rabu, 18 Februari - Majlis Pembukaan Tadarus Al-Qur'an bagi Masjid, Surau, Balai Ibadat Seluruh Negara telah diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim serta pegawai-pegawai kanan KHEU.

Majlis Pembukaan Tadarus Al-Qur'an bagi Masjid, Surau, Balai Ibadat Seluruh Negara berkenaan dikendalikan oleh KHEU melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dan Jabatan Pentadbiran dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Omar 'Ali Saifuddien dan Radio Televisyen Brunei (RTB).

Acara dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan tadabbur al-Qur'an yang disampaikan

oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), KHEU, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi, dan seterusnya tadarus al-Qur'an dimulakan dari surah al-Baqarah oleh pelajar Skim Tilawah Al-Qur'an Kanak-kanak (STAKA).

Manakala bacaan doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. ■



AWANG Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi, Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah semasa menyampaikan tadabbur al-Qur'an.

MUNAJAT KHAS SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KALI KE 42

Oleh : Dahlan Chuchu



MUNAJAT Khas diadakan secara fizikal dengan tumpuan utama majlis di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 Ramadhan bersamaan 24 Februari – Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-42 (HK-42), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah mengadakan Munajat Khas yang diadakan secara fizikal dengan tumpuan utama majlis di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Hadir pada majlis itu ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh; serta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Nazmi bin Mohamad.

Turut hadir ialah Timbalan-timbalan Menteri; Ahli-ahli Majlis Ugama Islam Brunei; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta warga kementerian-kementerian; anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei serta ahli jawatankuasa takmir dan para jemaah yang hadir secara fizikal dan maya.

Turut sama mengikuti secara maya ialah guru-guru dan para pelajar dari

sekolah-sekolah arab, ugama, rendah serta swasta di seluruh negara.

Acara dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Diikuti dengan bacaan surah al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Awang Zulkifli bin Haji Murat, Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.



PENGIRAN Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin, Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei semasa menyampaikan tazkirah di munajat khas berkenaan.



MUNAJAT khas turut diadakan di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait.



MASJID Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong menjadi tumpuan bagi munajat tersebut.



Di Daerah Temburong, munajat khas diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Munajat Khas anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026 bertujuan untuk memupuk kesedaran dan penghayatan bahawa kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan negara adalah nikmat yang wajib disyukuri serta dipelihara bersama.

Munajat Khas tersebut turut diadakan secara serentak di masjid-masjid utama di keempat-empat daerah sebagai tumpuan utama majlis.

Bagi Daerah Belait, di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait. Hadir sama ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan.

Di Daerah Tutong, Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong. Hadir ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Manakala Daerah Temburong, di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar. Hadir, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. ■

Manakala doa Munajat Khas dibacakan oleh Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin, Timbalan Mufti Kerajaan, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.

Majlis diteruskan dengan bacaan tadabbur al-Qur'an oleh Awang Ahmad Zulwagar bin Haji Suhaili, Johan Qari Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M; Haji Awang Mohamad ZulHafiz bin Awang Tengah, Johan Qari Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1442H / 2021M dan 1443H / 2022M; dan Awang Haji Hazwan bin Haji Salim, Johan Qari

Musabaqah Tilawah Qur'an Belia Kebangsaan Tahun 1443H/2022M.

Pada majlis itu, tazkirah telah disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin yang antaranya menyentuh mengenai usaha mencapai Wawasan Brunei 2035.

Sejurus selesai tazkirah, diakhiri dengan bacaan doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran bin Haji Kunchang, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien Jabatan Hal

PENYERAHAN WANG ZAKAT PENYIMPAN-PENYIMPAN PERBADANAN TAIB DAN SYARIKAT AL-BUKHARI SDN. BHD.

Oleh : Nor Hafidzah binti Haji Hamidon



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei menyerahkan zakat kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei.

BERAKAS, Selasa, 13 Ramadan bersamaan 3 Mac - Bulan Ramadan sering dikaitkan dengan kewajipan umat Islam menunaikan zakat, sama ada Zakat Fitrah mahupun Zakat Harta.

Sehubungan dengan itu, petang tadi diadakan Majlis Penyerahan Wang Zakat Penyimpan-Penyimpan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) berjumlah \$3,727,697.49 (Tiga Juta Tujuh Ratus Dua Puluh Tujuh Ribu, Enam Ratus Sembilan Puluh Tujuh Dolar dan Empat Puluh Sembilan Sen) yang diserahkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd Yusoff, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei, dan sebanyak \$40,225.39 (Empat Puluh Ribu, Dua Ratus Dua Puluh Lima Dolar dan Tiga Puluh Sembilan Sen) daripada Syarikat Al-Bukhari Sdn Bhd yang diserahkan oleh Awang Fakhri Alam, Pengurus Syarikat Al-Bukhari Sdn Bhd.

Kesemua zakat tersebut diserahkan kepada Yang Berhormat Pehin Udana

Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei. Majlis Penyerahan diadakan di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Pada tahun 2025, Majlis Ugama Islam Brunei melalui Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal telah mengutip Zakat Harta berjumlah \$20,371,761.48 (Dua Puluh Juta, Tiga Ratus Tujuh Puluh Satu Ribu, Tujuh Ratus Enam Puluh Satu Dolar dan Empat Puluh Lapan Sen).

Setiap tahun, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal mengagihkan

hasil kutipan zakat melalui pelbagai skim agihan antaranya, bantuan wang bagi keperluan asasi, bantuan persekolahan, bayaran sewa rumah, penyediaan modal perniagaan, pembiayaan Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ), serta pembinaan dan pembaikan rumah untuk golongan daif, fakir dan miskin.

Umat Islam di negara ini diseru agar menunaikan kewajipan berzakat apabila telah cukup nisab dan haul. Di samping memenuhi tanggungjawab sebagai seorang muslim, zakat juga merupakan tanggungjawab sosial dalam usaha bersama membantu golongan yang memerlukan, khususnya asnaf fakir dan miskin di Negara Brunei Darussalam. ■



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei menerima wang zakat Pengurus Syarikat Al-Bukhari Sdn. Bhd.

QIAMULLAIL RAMADAN ANJURAN KHEU

Oleh : Azizah Hidup



QIAMULLAIL Rmdan diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah yang turut dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Yang Mulia Timbalan-Timbalan Menteri bersama para pegawai kanan, pegawai dan kakitangan dari kementerian-kementerian serta para jemaah.

KIARONG, Ahad, 25 Ramadan bersamaan 15 Mac - Ibadah Qiamullail merupakan antara amalan sunat yang sangat dituntut dalam Islam, lebih-lebih lagi pada sepuluh malam terakhir bulan Ramadan, sebagai usaha untuk mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* serta memohon keampunan dan rahmat daripada-Nya.

Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menganjurkan Program Qiamullail Ramadan Tahun 1447H/2026M bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong sebagai masjid tumpuan utama di Daerah Brunei dan Muara.

Manakala masjid-masjid utama di tiga daerah lain iaitu Daerah Tutong, di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong; Daerah Belait, di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampong Pandan, Kuala Belait; dan Daerah Temburong, di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Antara yang hadir pada Qiamullail Ramadan di Jame' 'Asr Hassanil

Bolkiah, Kiarong pada ialah Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Timbalan-Timbalan Menteri bersama para pegawai kanan, pegawai dan kakitangan dari kementerian-kementerian, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei serta Belia Da'ie',

Belia-Beliawanis Masjid, Muslimah Masjid dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid. Turut sama mengimarahkan lagi Qiamullail Ramadan ialah para jemaah di kalangan orang awam.

Qiamullail Ramadan diisi dengan sembahyang **» 24** m.s.



« 24 sunat Tasbih berjemaah m.s. 24 diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong. Diikuti dengan bacaan wirid dan doa sembahyang sunat Tasbih.

Kemudiannya, bacaan doa Munajat dan doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Awang Haji Haris bin Haji Suboh, Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas.

Qiamullail Ramadan ini juga bertujuan mengajak umat Islam agar bersama-sama mengimarahkan masjid serta menghidupkan malam-malam Ramadan dengan pelbagai amalan ibadah seperti sembahyang berjemaah, qiamullail, zikir dan doa.

Di samping itu, ia turut berperanan membudayakan amalan beribadah secara berjemaah dalam kalangan masyarakat, sekali gus menyemarakkan semangat untuk merebut keberkatan serta keistimewaan bulan Ramadan yang penuh kemuliaan ini, apatah lagi ketika Ramadan semakin menghampiri penghujungnya.

Di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong hadir selaku tetamu khas ialah Awang Sofian bin Haji Basri, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait, hadir selaku tetamu khas ialah Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji Muhammad, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Jabatan Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; dan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar hadir ialah Awang Hassan Baha bin Haji Umar, Pemangku Pegawai Daerah Temburong. ■



ACARA yang sama turut diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.



DI Kuala Belait, Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan menjadi tumpuan Qiamullail Ramadan yang dikendalikan oleh KHEU.



MASJID yang turut mengadakan Qiamullail Ramadan di Temburong ialah Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

PENUTUP TIRAI TADARUS AL-QUR'AN

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin

KIARONG, Rabu, 29 Ramadan bersamaan 18 Mac – Majlis Tadarus yang diadakan di masjid-masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara kendalian Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) sempena bulan Ramadan tahun ini, berakhir dengan Majlis Penutup Tadarus Al-Qur'an bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong.

Majlis tersebut diadakan di masjid, surau dan balai ibadat merupakan antara usaha berterusan dalam memartabatkan syiar Islam serta memakmurkan masjid, surau dan balai ibadat di negara ini.

Ia turut menghimpunkan masyarakat Islam tanpa mengira peringkat umur untuk bersama-sama memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an, sekaligus mendekatkan diri kepada al-Qur'an dan menyemarakkan bulan Ramadan yang penuh keberkatan dengan amal ibadat, demi meraih keampunan serta ganjaran pahala berlipat ganda daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin



TETAMU kehormat pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin.

bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Diikuti dengan tadabbur al-Qur'an disampaikan oleh Awang Mohammad Nasyith bin Superi, Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah. Sejurus itu,

Majlis Khatam Al-Qur'an dimulakan dengan dipimpin oleh Awang Ahmad Syafiq bin Haji Osman, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM).

Bacaan Takhtim dipimpin oleh para Pegawai Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid serta pegawai dari JHEM. Manakala doa Khatam dibacakan oleh Awang Abdul Aziz bin Haji Abdullah, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah. Bacaan doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz, Imam Tingkat III Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Penutup tirai tadarus al-Qur'an bagi Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara dikendalikan oleh KHEU melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid, Jabatan Pengajian Islam, Jabatan Hal Ehwal Syariah, dan Jabatan Urusan Haji dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dan Radio Televisyen Brunei. ■



MEMPERKUKUH ILMU MANASIK HAJI

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin

BERAKAS, Sabtu, 20 Rejab bersamaan 10 Januari - Bagi menyebarkan, menambah dan seterusnya memperkukuh ilmu manasik haji di kalangan peserta-peserta yang menghadiri muzakarah dengan pemahaman falsafah dan penghayatan ibadah haji, serta memperjelaskan isu-isu hukum yang ditimbulkan semasa para jemaah melaksanakan manasik haji dan umrah pada musim haji tahun 1446H / 2025M yang lalu, Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Bimbingan Haji dan Umrah mengadakan Majlis Penutup Muzakarah Haji Kali Ke-33 Tahun 1447H/2026M bertempat di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim Setiausaha Tetap KHEU, yang kemudiannya menyampaikan ucapan serta sijil-sijil kepada para peserta Muzakarah Haji Kali Ke-33 bagi Tahun 1447H/2026M.

Pada majlis tersebut, satu pembentangan Kertas Kerja Perdana bertajuk "Kepentingan Tazkiyah Al-Nafs Melalui Penghindaran Rafats,



HADIR selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim Setiausaha Tetap KHEU.

Fusuq Dan Jidal" dibentangkan oleh Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman, Penolong Professor Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Terdahulu pada sesi sebelah pagi, seramai 139 orang peserta telah menghadiri Majlis Muzakarah Haji Kali Ke-33 terdiri daripada guru-guru pengkursus ibadat Haji dan Umrah, tenaga pengajar dari Jabatan Pengajian Islam (JPI), tenaga pembimbing saudara-saudara baru (Muallaf) dan da'ie-da'ie Pusat Da'wah Islamiah (PDI), para pegawai dan imam-imam Jabatan Hal Ehwal Masjid, mahasiswa/

mahasiswi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), mahasiswa/ mahasiswi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), penuntut-penuntut Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah, peserta Program Sijil Profesional Pembimbing Haji dan Umrah (SP-PHU) serta pembimbing-pembimbing ugama syarikat pengendali perkhidmatan Pakej Haji dan Umrah. Pada sesi tersebut telah diadakan pembentangan kertas-kertas kerja oleh pegawai-pegawai Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri yang mengupas isu-isu hukum-hakam berkaitan manasik haji secara terperinci.



Muzakarah juga bertujuan memberikan gambaran dan situasi keadaan terkini kepada guru-guru pengkursus di Tanah Suci, 'Arafah, Mina seperti kemudahan-kemudahan yang disediakan, ekspektasi-ekspektasi yang dihadapi oleh bakal jemaah haji semasa berada di Tanah Suci dan apa jua dasar serta peraturan Kerajaan Arab Saudi yang telah ditetapkan, serta memperjelaskan pengurusan Haji Negara Brunei Darussalam dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan. ■

Minda Islam

Sembahyang Sunat Tahajjud

Sembahyang sunat yang dilaksanakan setelah bangun tidur dan afdhal dibuat secara bersendirian selepas tengah malam.

Kitab Zabur

Kitab yang diturunkan kepada Nabi Daud *'alaihissalam*.

Peperangan Khandaq

Peperangan yang berlaku di Madinah pada tahun 5 hijrah bersamaan 627 Masihi.

Luqman al-Hakim

Seorang ayah yang diceritakan kisahnya di dalam al-Qur'an al-Karim.

Thalhah bin 'Ubaidillah

Sahabat nabi yang digelar sebagai *Asy-Syaahidul Hayy* dan antara sepuluh orang yang dijanjikan masuk syurga.

Surah Al-Isra'

Surah yang mengisahkan mengenai perjalanan Isra' Mi'raj Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*.

Humaira dan Ummul Mu'minin

Gelaran Saiyidatina 'Aisyah binti Abu Bakar.

366 AMIL MENERIMA SURAT LANTIKAN

Oleh : Nor Hafidzah binti Haji Hamidon



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim menyampaikan sijil perlantikan amil kepada penerima.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Syabaan bersamaan 18 Februari

Seramai 366 amil menerima surat lantikan daripada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) bagi melaksanakan tugas pengutipan zakat di seluruh negara bagi tahun ini. Sebanyak 142 kawasan kutipan zakat telah ditetapkan seluruh negara, dengan pembahagian, iaitu di Daerah Brunei dan Muara seramai 213 amil bagi 80 kawasan, manakala di Daerah Tutong seramai 60 amil bagi 30 kawasan, sementara di Daerah Belait pula seramai 22 amil bagi 16 kawasan; serta di Daerah Temburong seramai 24 amil bagi 12 kawasan.

Selain itu, seramai 47 amil yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), serta Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB), KHEU turut dilantik untuk pengutipan zakat di keempat-empat daerah.

Antara yang dilantik juga termasuk anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, serta Jabatan Bomba dan Penyelamat. Sepanjang 2025, jumlah kutipan zakat adalah sebanyak BND20,371,761.48.

Sehubungan dengan itu, MUIB mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Tauliah Amil kepada Amil-amil yang Dilantik Seluruh Negara bagi Tahun 1447 - 1448 Hijrah bersamaan 2026 - 2027 Masihi, yang diadakan secara serentak di keempat-empat daerah.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, majlis diadakan di Masjid As-Salaam, Kampong Junjongan. Hadir dan seterusnya menyampaikan Sijil Tauliah Amil, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Naib Yang Di-Pertua MUIB.



Sementara itu, bagi Daerah Tutong, majlis diadakan di Masjid Hassanal Bolkia, Pekan Tutong, manakala di Daerah Belait pula, majlis seumpamanya diadakan di Masjid Zainab, Kampong Lumut, Kuala Belait.

Bagi Daerah Temburong pula, majlis diadakan bertempat di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampong Rataie.

Pengutipan dan pembayaran zakat boleh dilakukan di masjid-masjid, surau-sarau dan balai-balai ibadat seluruh negara, di kaunter perkhidmatan JUZWAB, KHEU, serta di cawangan-cawangan JUZWAB di Pejabat-pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Institusi-institusi kewangan Islam seperti Tabung Amanah Islam Brunei dan Bank Islam Brunei Darussalam serta syarikat-syarikat seperti Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Progresif Sdn. Bhd. dan Imagine Sdn. Bhd. turut dilantik sebagai amil bagi mengutip Zakat Harta dan Zakat Fitrah. ■

SEMBAHYANG SUNAT GERHANA BULAN

Oleh : Pengiran Yusdi Pengiran Rumbli



TURUT hadir sama-sama menunaikan sembahyang Sunat Gerhana Bulan ialah Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 Ramadan bersamaan 3 Mac - Gerhana merupakan suatu kejadian yang memperlihatkan keagungan dan kebesaran Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang berlaku pada matahari dan bulan sebagai tanda atau bukti kekuasaan-Nya, sebagaimana terjadinya siang dan malam. Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* menganjurkan umat Islam agar memperbanyakkan amalan kebajikan seperti menunaikan sembahyang, berdoa, berzikir, bersedekah dan beristighfar apabila berlakunya gerhana.

Perkara tersebut antara intipati khutbah khas yang disampaikan oleh Awang Zulkifli bin Haji Murat, Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddin sempena fenomena gerhana bulan yang berlaku pada malam tadi. Menurut khatib lagi, apabila berlakunya gerhana, umat Islam hendaklah menjadikannya sebagai iktibar dan pengajaran untuk meningkatkan kesedaran diri agar sentiasa mengingati kebesaran dan kekuasaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* serta memohon ampun kepada-Nya dan bertaubat atas segala dosa yang telah dilakukan.

Berikutan fenomena gerhana bulan, masjid-masjid, surau dan balai ibadat

di seluruh negara mengadakan sembahyang sunat Gerhana Bulan dengan melakukan sembahyang sunat gerhana sebanyak dua rakaat iaitu dua (2) ruku' dan dua qiam (berdiri) dengan tidak dipanjangkan bacaan pada keduanya.

Di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, Sembahyang Sunat Gerhana Bulan berjemaah telah diimamkan oleh Awang Mohamad Hasnal bin Haji Mohamad, Pegawai Masjid, Masjid Omar Ali Saifuddin.

Hadir selaku tetamu khas ialah Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama

Turut hadir ialah Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama; serta para pegawai kanan dan kakitangan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan; serta para jemaah dan penduduk yang tinggal di sekitarnya. ■



PENYERAHAN 439 BUAH KERUSI WAKAF

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



BERAKAS, Rabu, 28 Ramadan bersamaan 18 Mac – Wakaf merupakan satu daripada amalan sedekah yang sangat-sangat dituntut dalam Islam. Sepertimana amalan sedekah yang lain, amalan ini dijanjikan dengan ganjaran yang amat besar oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada pewakafnya. Lebih istimewa lagi, pahala wakaf bersifat berpanjangan, iaitu terus mengalir selagi harta yang diwakafkan masih wujud dan dapat dimanfaatkan, meskipun pewakafnya telah kembali ke rahmatullah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Ehwal Ugama menerima sumbangan wakaf berupa sebanyak 439 buah kerusi lipat daripada keluarga dan kumpulan hamba Allah bagi keperluan di masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara. Majlis Penyerahan Kerusi Wakaf tersebut diadakan di Bilik Mawar, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Penyerahan wakaf kerusi lipat tersebut telah disampaikan oleh wakil-wakil pewakaf kepada Awang Haji

Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, sebelum diserahkan seterusnya kepada wakil-wakil masjid.

Turut hadir menyaksikan penyerahan sumbangan wakaf berkenaan ialah Awang Misle bin Haji Abd. Karim, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid serta pegawai dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Masjid. ■



PROGRAM KEMBARA ZAKAT

Oleh : Dahlan Chuchu



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU turut sama hadir dalam program tersebut.

Sengkarai; dan Awang Haji Azman bin Haji Musa, Ketua Pegawai Ugama Tutong, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong, KHEU.

Program dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dan diikuti dengan ucapan alu-aluan. Majlis diteruskan dengan taklimat yang disampaikan oleh Awang Haji Saharuddin bin Haji Petra, Pemangku Pengarah Urusan, Zakat, Waqaf dan Baitulmal, KHEU.

Sebagai sebahagian daripada pengisian Program Kembara Zakat 2026, Klinik Zakat turut dibukakan bagi mereka yang hadir di program berkenaan untuk mendapatkan panduan berkaitan prosedur permohonan Sistem Kebajikan Negara termasuk kaedah pengiraan Zakat dan Fidyah.

TUTONG, Isnin, 29 Rejab bersamaan 19 Januari – Bagi menyalurkan maklumat serta memberikan penjelasan kepada para penghulu dan ketua-ketua kampung mengenai pengurusan permohonan bantuan zakat, perkhidmatan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB) di bawah Sistem Kebajikan Negara (SKN), di samping memperkenalkan tentang Waqaf dan Baitul Mal, juga dalam usaha mempertingkatkan perkhidmatan pengurusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal di Negara Brunei Darussalam, JUZWAB, Kementerian

Hal Ehwal Ugama (KHEU) meneruskan pelaksanaan Program Kembara Zakat 2026 bertempat di kediaman rasmi Pegawai Daerah Tutong, Daerah Tutong.

Hadir sama dalam program tersebut ialah Awang Misle bin Haji Abd Karim, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU; Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN); Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung

Penganjuran program ini diharap dapat mengukuhkan lagi hubungan kerjasama, khususnya dalam melancarkan pengurusan bantuan serta meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan ugama kepada masyarakat setempat. ■



195 ORANG DILANTIK IMAM SEMBAHYANG SUNAT TARAWIH

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, JHEM, KHEU menyampaikan surat lantikan Imam sembahyang sunat Tarawih kepada penerima.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 Syabaan bersamaan 14 Februari – Seramai 195 orang dilantik sebagai imam sembahyang sunat Tarawih bagi tahun 1447H/2026M yang terdiri daripada pegawai masjid, tenaga pengajar, serta penuntut dan lepasan Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

Lepasan yang terlibat merangkumi individu yang sedang berkhidmat dalam sektor kerajaan dan swasta, selain mereka yang sedang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi di dalam dan luar negara. Kesemua imam yang dilantik akan ditempatkan di 77 buah masjid di seluruh negara.

Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama ITQSHHB telah mengadakan Majlis Penyampaian Surat Lantikan Imam Sembahyang Sunat Tarawih bagi Tahun 1447H bersamaan dengan 2026M bertempat di Dewan Musolla ITQSHHB.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, JHEM, KHEU, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu dan seterusnya menyerahkan surat lantikan Imam Tarawih kepada para penerima.

Turut menyampaikan Surat lantikan Imam Tarawih ialah Pengetua ITQSHHB, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit.

Terdahulu, para penerima sijil lantikan telah menghadiri sesi taklimat rasmi berhubung tatacara pelaksanaan sembahyang sunat Tarawih sebagai persediaan bagi memastikan kelancaran dan keseragaman pelaksanaannya di masjid-masjid seluruh negara.

Penempatan Imam Tarawih dalam kalangan penuntut dan lepasan ITQSHHB berkenaan bertujuan memberi peluang kepada mereka untuk mengulang kaji dan memantapkan hafazan al-Qur'an, di samping menimba pengalaman serta memperkukuh keyakinan sebagai imam.

Penglibatan mereka di masjid-masjid yang telah ditetapkan diharap dapat menarik lebih ramai jemaah untuk menunaikan sembahyang sunat Tarawih secara berjemaah. Inisiatif berkenaan juga merupakan antara langkah berterusan dalam memperkasa peranan anak tempatan, khususnya golongan belia, dalam usaha mentakmir dan mengimarahkan masjid sepanjang bulan Ramadan. ■



PERSATUAN ULAMA MALAYSIA MENGADAKAN LAWATAN KE PDI

Oleh : Dahlan Chuchu



PDI yang diwakili oleh Pemangku Pengarah menerima kunjungan rombongan dari Persatuan Ulama Malaysia (PUM) Pusat.

PULAIE, Selasa, 1 Syaaban bersamaan 20 Januari - Rombongan seramai 34 orang ahli Persatuan Ulama Malaysia (PUM) yang diketuai oleh Prof. Dr. Mohd Roslan bin Mohd. Nor, Setiausaha Agung Persatuan Ulama Malaysia Pusat, meneruskan lawatan ke Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU). Ketibaan rombongan pelawat dari Malaysia tersebut disambut oleh Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman, Pemangku Pengarah dan para pegawai-pegawai PDI.

Atur cara lawatan dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar, surah al-Fatihah dan doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam. Seterusnya, Ucapan Alu-aluan oleh Pemangku Pengarah PDI dan diikuti dengan ucapan oleh Prof. Dr. Mohd Roslan bin Mohd. Nor, Setiausaha Agung PUM Pusat. Rombongan turut mendengar taklimat berkaitan perkembangan da'wah sebelum diteruskan dengan sesi perbincangan. Lawatan rasmi ilmiah PUM ke PDI ini bertujuan untuk memperkukuh

hubungan ukhuwah serta mempererat jaringan kerjasama dalam bidang da'wah, keilmuan dan pembangunan ummah. Lawatan ini juga menjadi platform pertukaran pandangan, pengalaman dan amalan terbaik khususnya dalam pengurusan serta pelaksanaan program da'wah. Diharapkan usaha ini dapat menyumbang ke arah pemerkasaan da'wah Islamiah serantau demi kesejahteraan umat Islam sejagat. ■



PROJEK FATHUL BARAKAH 7.0 MENDAPAT SAMBUTAN YANG MENGGALAKKAN

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin

BANDAR Seri Begawan, Isnin, 7 Syaban bersamaan 26 Januari

– Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dengan kerjasama Persatuan Saudara-saudara Baru, Negara Brunei Darussalam meneruskan Projek Fathul Barakah 7.0 bersempena dengan kedatangan bulan Ramadan 1447 Hijrah bagi Daerah Belait, Tutong dan Temburong.



Projek ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada orang ramai untuk berinfak jariah atau bersedekah berupa makanan asasi kepada para asnaf muallaf yang memerlukan lebih-lebih lagi dalam menyambut kedatangan bulan suci Ramadan yang akan tiba.

Turut menyertai projek tersebut ialah Awang Abdul Khaliq bin Kamree, Pemangku Ketua Cawangan Da'wah Daerah Belait dan Awang Abdul Alim bin Abdullah, Yang Di-Pertua Persatuan Sinar Islam bagi Daerah Belait;

Manakala di Daerah Tutong, projek tersebut diketuai oleh Awang Haji Azman bin Haji Musa, Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Pejabat Hal Ehwal Ugama Tutong; dan di daerah Temburong, projek tersebut disertai sama oleh Dayang Nurul 'Ain binti Mohd Redzuan, Pegawai



Perkembangan Ugama, Cawangan Da'wah Daerah Temburong, juga selaku Pemangku Yang Di-Pertua Persatuan Saudara Baru Temburong.

Penerimaan sumbangan bagi projek tersebut diadakan selama dua hari iaitu bermula hari Isnin, 26 Januari hingga hari Selasa, 27 Januari 2026 mulai pukul 8.30 pagi hingga 4.00 petang bertempat di Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Belait, Pejabat Cawangan Da'wah Daerah



Tutong dan Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Temburong secara pandu lalu.

Projek tersebut telah mendapat sambutan orang ramai dengan terus menerima sumbangan berupa makanan asasi seperti beras, minyak masak, biskut, tepung, gula, makanan dalam tin, udang atau pusu kering, bawang-bawangan, garam, teh dan kopi, mee, mentega dan air mineral serta barang keperluan asasi yang bersesuaian.



Projek Fathul Barakah 7.0 merupakan kerja-kerja berkebakikan yang diungkuhkan untuk kesejahteraan para muallaf di Negara Brunei Darussalam dan juga sebagai satu da'wah bilmal dalam memeduli perkembangan kehidupan, kebajikan serta penghayatan agama Islam asnaf muallaf di negara ini agar terus dapat melaksanakan ibadah dengan lebih sempurna lebih-lebih lagi menjelang bulan Ramadan. ■

PEMBUBARAN (2023-2025) DAN PELANTIKAN (2025-2027) AJK BELIA DA'IE

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad



PEMANGKU Pengarah PDI semasa menyampaikan sijil pelantikan kepada salah seorang penerima belia da'ie.

memegang jawatan yang lalu. Menurut beliau, pelbagai halangan, cabaran, dugaan, rintangan, kemunduran, kegagalan dan kejayaan yang dihadapi dengan hati yang kuat juga minda yang terbuka, dalam menjalankan tugas dan amanah yang diberikan. Beliau juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Urus Setia Program Keagamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah selaku penasihat Belia Da'ie kerana memberikan kepercayaan amanah dalam menjalankan pelbagai aktiviti mahupun majlis.

PULAIE, Ahad, 21 Rejab bersamaan 11 Januari – Badan Sukarelawan Belia Da'ie telah mengadakan Majlis Pembubaran Ahli Jawatan Kuasa (AJK) Sesi 2023-2025 dan diselenggarakan dengan Majlis Pelantikan AJK baharu bagi Sesi 2025-2027, bertempat di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Majlis ini diadakan setiap dua tahun sebagai aktiviti tahunan Badan Sukarelawan Belia Da'ie bersempena tamatnya tempoh khidmat pengambilan bagi Sesi 2023-2025. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Awang Haji Ahmad Abdussalam

bin Haji Abd Rahman, Pemangku Pengarah, PDI.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dan diikuti dengan bacaan surah an-Nisa, ayat 58-59. Seterusnya, ucapan alu-aluan dan perkongsian perjalanan Belia Da'ie bagi sesi 2023-2025 yang disampaikan oleh Awang Mohammad Najihuddin bin Nooralizam, Pengerusi Belia Da'ie.

Dalam ucapannya, beliau merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada AJK Belia Da'ie Sesi 2023-2025 kerana dengan jayanya menjalankan beberapa program juga aktiviti dan majlis-majlis, di bawah kendalian Badan Sukarelawan Belia Da'ie di sepanjang

Seterusnya pengumuman Ahli Jawatan Kuasa Tertinggi Belia Da'ie bagi sesi 2025-2027 disampaikan oleh Awang Isham bin Awang Ismail, Ketua Urus Setia Program Keagamaan Belia.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan penyerahan sijil penghargaan dan surat lantikan oleh tetamu kehormat majlis kepada lantikan AJK baharu seramai 66 orang serta diiringi dengan lkrar Belia Da'ie yang diketuai oleh Awang Muhammad Irsyad bin Nor Isa, Pengerusi Belia Da'ie 2025-2027. Majlis diteruskan lagi dengan tayangan video Ristaan Belia Da'ie Sepanjang Sesi 2023-2025 dan majlis diakhiri dengan bacaan Saiyidul Istighfar serta doa penutup majlis. ■



PROJEK FATHUL BARAKAH 7.0 BANTU KEBAJIKAN MUALLAF

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



PENYERAHAN Projek Fathul Barakah 7.0 disempurnakan oleh Pengiran Hajah Haslina Suriani binti Pengiran Haji Piut, Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 Syaaban bersamaan 16 Februari

– Kebajikan Muallaf di negara ini terus diberi perhatian oleh pelbagai pihak berkepentingan terutamanya Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sehubungan itu, dalam usaha meneruskan tanggungjawab menjaga kebajikan para Muallaf di negara ini, Pusat Da'wah Islamiah melalui Projek Fathul Barakah 7.0 meneruskan lagi penyerahan bantuan berupa keperluan harian kepada sepuluh (10) buah keluarga Muallaf di Kampong Bengkurong, Kampong Sinarubai, Kampong Masin, Kampong Mulaut dan Kampong Tanjung Nangka.

Hadir selaku ketua rombongan dan seterusnya menyempurnakan penyerahan Projek Fathul Barakah 7.0 ialah Pengiran Hajah Haslina Suriani binti Pengiran Haji Piut, Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah.

Turut hadir menyertai rombongan berkenaan, Awang Haji Talib bin Haji Bakar, Ketua Kampung Bengkurong, Pengiran Hajah Ida Fariani binti Pengiran Haji Kamaluddin, Ketua

Bahagian Pembangunan Muallaf, Pusat Da'wah Islamiah dan Awang Haji Mohd Hazwan bin Abdullah, Yang Di-Pertua Persatuan Nurul Islam.

Projek Fathul Barakah 7.0 merupakan usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Pusat Da'wah Islamiah dengan kerjasama Persatuan Saudara-Saudara Baru, Negara Brunei Darussalam. Projek ini bertujuan untuk memberi peluang kepada orang ramai dalam sama-sama menyumbang infaq jariah berupa keperluan asasi kepada Asnaf Muallaf yang memerlukan sebelum tibanya bulan Ramadan 1447 Hijrah. Melalui bantuan ini, para Muallaf

diharapkan dapat melaksanakan ibadah puasa dengan lebih selesa di samping menjalani kehidupan seharian mereka.

Selain itu, projek ini juga merupakan tanda keprihatinan Pusat Da'wah Islamiah terhadap Muallaf yang memerlukan bantuan. Pada masa yang sama, ia menjadi salah satu metod da'wah kepada mereka yang bukan beragama Islam, sekali gus memperlihatkan keprihatinan berterusan Pusat Da'wah Islamiah terhadap kebajikan golongan Muallaf. ■



IFTAR MAHABBAH ANJURAN CAWANGAN DA'WAH DAERAH TUTONG

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad



PEMANGKU Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman mengetuai rombongan bagi program tersebut.

TUTONG, Sabtu, 24 Ramadan bersamaan 14 Mac – Sebagai salah satu usaha mempergiatkan aktiviti da'wah di samping mempereratkan hubungan kemasyarakatan serta memupuk persefahaman yang harmoni antara masyarakat Islam dan bukan Islam (non-muslim), Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Tutong, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menganjurkan Program Iftar Mahabbah sempena bulan Ramadan bertempat di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

Program Iftar Mahabbah ini disertai oleh 50 orang terdiri daripada ahli-ahli persatuan Masyarakat Tiong Hua dan non-muslim sekitar Daerah Tutong yang terpilih. Hadir sama selaku ketua rombongan bagi program tersebut ialah Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman, Pemangku Pengarah PDI, KHEU.

Penganjuran program ini merupakan satu peluang untuk memperkenalkan keindahan ajaran Islam serta menzahirkan nilai-nilai murni bulan Ramadan kepada masyarakat bukan Islam, khususnya melalui pengalaman berbuka puasa (*Iftar*) secara bersama. Melalui suasana kebersamaan ini, para peserta diharapkan dapat memahami penghayatan Ramadan

sebagai bulan yang menekankan nilai kesyukuran, kesederhanaan, kebajikan dan perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat.

Program dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar, surah al-Fatihah serta doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Awang Ahmad Najib bin Haji Ibrahim, mahasiswa Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang ditempatkan penempatan kerja di Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Tutong.

Seterusnya, ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Program, Dayang Zikrinaidah binti Haji Mat Dikir, Ketua Cawangan Da'wah Daerah Tutong. Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati berupa plak PDI kepada Pengarah Sekolah Chung Hwa Daerah Tutong yang disampaikan oleh ketua rombongan program.

Program turut diisikan dengan beberapa aktiviti interaktif antaranya demonstrasi Majlis Pengislaman, Praktikal Wudhu, Try Wearing (Songkok dan Tudung), Azan, Praktikal Sembahyang serta Khat Kaligrafi dan kemudiannya bersungkaik bersama-sama.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Awang Soon Seng Lee, Pengarah Sekolah Chung Hwa Daerah Tutong; Awang Suhili bin Alas, Pemangku Ketua Kampong Pengkalan Mau, Bakiau dan Batang Mitus; Awang Sani bin Nangkat, Pemangku Ketua Kampong Merimbun dan Kuala Ungar Daerah Tutong serta pegawai dan kakitangan Pusat Da'wah Islamiah dan Cawangan Da'wah Daerah Tutong. ■





Majlis Pengislaman JAN-MAC 2026



STATISTIK PENGISLAMAMAN

Keramaian orang yang memeluk agama Islam di seluruh negara bagi tahun 2026

Bagi Bulan
Jan-Mac
73
Orang

19
Orang

31
Orang

Jumlah Keseluruhan
JAN-MAC 2026
73 Orang

Jantina
36 Orang  **37** Orang 

Dewasa: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke atas.

  **68**
Orang

Kanak-kanak: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke bawah.

  **5**
Orang



Jumlah mengikut daerah

MUNAJAT KHAS RAMADAN

Oleh : Nor Hafidzah binti Haji Hamidon



BANDAR Seri Begawan, Khamis, 15 Ramadan Bersamaan 5 Mac –

Al-Qur'an merupakan wahyu daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang tidak mengandungi sebarang keraguan dan diturunkan sebagai peringatan serta petunjuk kepada manusia agar mereka kembali kepada jalan yang benar. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir, al-Qur'an diibaratkan sebagai "nadi" yang menghidupkan kehidupan individu, masyarakat dan negara. Apabila al-Qur'an dijadikan panduan hidup, ia mampu melahirkan masyarakat yang beriman, berakhlak mulia, berintegriti serta mempunyai kesedaran untuk melaksanakan perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan menjauhi larangan-Nya.

Demikianlah antara huraian intisari dan pengajaran ayat daripada tadabbur al-Qur'an, surah as-Sajdah, ayat 2 dan 3, yang disampaikan oleh Awang Muhammad Safwan bin Mohd. Suffian, Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama dari Surau Mushalla Al-Ameen, Pusat Da'wah Islamiah bagi menyerikan Munajat Ramadan anjuran

Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke- 221.

Turut serta Munajat Ramadan pada ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama; Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama; Awang Misle bin Haji Abd Karim, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), serta para pegawai kanan dan kakitangan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Munajat Ramadan dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah dipimpin oleh Awang Haji Yusli bin Haji Ashli, Ketua Bahagian Hal Ehwal Belia, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama dari Masjid Kampong Belimbing Subok.

Diteruskan dengan bacaan surah as-Sajdah beramai-ramai dipimpin

oleh Awang Mohammad Farhan @ Mohammad Ali bin Alim, Ahli Jawatankuasa Tertinggi Belia Masjid Senegara dari Masjid Kampong Belimbing Subok. Manakala doa Munajat dibacakan oleh Awang Saufi bin Haji Suhaini, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pegawai Pemantau Zon I, Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama dari Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun.

Sejurus selasai tadabbur al-Qur'an, diikuti dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai dipimpin oleh Kumpulan Belia Syababul Irsyad dari Masjid Kampong Belimbing Subok. Kemudiannya, doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Awang Jamalulhair bin Muhin, Bilal Tingkat II, Masjid Kampong Belimbing Subok, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Munajat Ramadan anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan ibadah di bulan Ramadan ini dan meminta keampunan dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci al-Qur'an dan menghayati maknanya, serta merafakkan dan mengamiinkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala musibah dan penyakit merbahaya.

Semoga dengan amalan ibadah yang dikerjakan di bulan Ramadan ini, kehidupan kita semua dan Negara Brunei Darussalam diberkati. ■